

# Najib tak setuju dakwaan beli lebih had kad kredit

14-10/11 2020 mbi 16

**Kuala Lumpur:** Datin Seri Rosmah Mansor membeli barang kemas bernilai 763,500 Euro (RM3.3 juta) daripada butik De Grisogono di Itali menggunakan kad kredit suaminya, Datuk Seri Najib Razak.

Najib dalam keterangan sebelum ini berkata, transaksi kad kredit berjumlah RM3,282,734.16 di De Grisogono, Sardinia, Itali pada 8 Ogos 2014 adalah hadiah untuk isteri bekas Perdana Menteri Qatar, Sheikh Ahmed Jassim Al Thani, iaitu ahli perniagaan berketurunan kerabat Al Thani.

Najib ketika disoal balas Timbalan Pendakwa Raya Datuk V Sithambaram ketika membela diri kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta SRC International Sdn Bhd, berkata isterinya menggunakan kad kredit miliknya bagi pembelian itu.

Sithambaram kemudian menjawab sebelum ketawa: "Ya, hanya wanita tahu apa yang disukai oleh wanita."

Sithambaram yang merujuk kepada penyata bank Najib bertarikh September 2014, berkata dokumen itu menunjukkan terdapat 10 item pembelian barangan kemas di butik dan bukan

nya satu seperti didakwa.

Najib menjawab: "Nampaknya ia macam satu set barangan kemas, saya akan tanya isteri saya sebab dia yang buat pembelian itu."

Sithambaram kemudian mencadangkan kepada Najib bahawa barang kemas itu bukan hadiah kepada isteri Sheikh Ahmed Jassim.

Beliau turut mencadangkan bahawa nota terima kasih yang dihantar kepada Rosmah di atas pemberian barang kemas itu hanya dibuat selepas itu bagi menjelaskan pembelian berkenaan.

Najib dalam keterangan beliau sebelum ini berkata, apabila beliau dan isteri pulang ke Malaysia, Noor Abdulaziz (isteri Sheikh Ahmed Jassem) menghantar nota terima kasih kepada isterinya.

Sithambaram turut mencadangkan jumlah keseluruhan pembelian melebihi had kad kreditnya, iaitu RM3 juta.

Najib bagaimanapun tidak bersetuju dengan semua cadangan Sithambaram.

**Sithambaram:** Adakah kamu setuju ia hadiah yang mewah?

**Najib:** Ya

**Sithambaram:** Ini adalah perbelanjaan peribadi, ia bukan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang kamu beritahu.

**Najib:** Jika kamu bandingkan jumlah wang yang saya gunakan untuk CSR, ini hanya sebahagian kecil.

Ketika disoal sama ada beliau ada menggunakan wang berkenaan untuk membantu mangsa banjir di Kelantan pada 2011, Najib berkata, beliau tidak ingat, namun menyatakan mangsa berkenaan dijaga dengan sangat baik.

Prosiding mahkamah semalam turut tegang seketika apabila Sithambaram mempersoalkan tindakan Najib yang menghalang bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah untuk pergi ke Switzerland bagi mendapatkan kembali wang SRC.

Ditanya kenapa beliau tidak membenarkan Ahmad Husni untuk pergi ke Switzerland, Najib menjawab:

"Beliau (Husni) tidak mempunyai perancangan yang sempurna."

Sithambaram membidas jawapan Najib dan mencadangkan bahawa sekiranya kerajaan menghantar wakil ke Switzerland, maka ia adalah lebih efektif (mendapatkan kembali wang berkenaan)

**Najib:** Perkara itu boleh dibahas. Namun, adalah lebih efektif sekiranya beliau mempunyai perancangan yang betul, beliau seharusnya mempunyai perancangan yang betul.

**Sithambaram:** Adakah anda memaklumkan kepada beliau untuk memberikan perancangan yang betul?

**Najib:** Tidak, tetapi saya mahu perancangan yang betul.

**Sithambaram:** Saya cadangkan anda sebenarnya tidak mahu beliau pergi dan membawa pulang dana berkenaan?

**Najib:** Tidak bersetuju.

Perbincangan di hadapan Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali bersambung 20 Januari ini.

Bagaimanapun sebelum perbincangan tamat, hakim mengingatkan Najib untuk tidak membincangkan kes itu atau memuatnaik sebarang kenyataan di media sosial.